

Impak Pendidikan Berasaskan Teknologi Terhadap Peningkatan Prestasi Pelajar di UKM
(*Impact of Technology Based Education on Student Performance in UKM*)

NORADILAH BINTI AZIZ & LAI WEI SIENG*

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan mengkaji penggunaan teknologi media dalam sistem pendidikan di kalangan pelajar untuk memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran seiring dengan kemajuan negara. Kajian ini memberi manfaat kepada pendidikan khususnya Universiti Awam yang menjadikan ini sebagai salah satu platform utama dalam sistem pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini melihat sejauh mana penggunaan dan penguasaan pelajar dalam teknologi sebagai bahan bantu belajar untuk memperoleh maklumat tanpa sempadan. Kajian ini menggunakan pengumpulan data primer iaitu kaedah soal selidik. Pelaksanaan pengumpulan data kajian ini dijalankan menerusi kaedah edaran soal selidik kepada pihak responden secara persampelan rawak mudah yang melibatkan sepenuhnya analisis kuantitatif dengan menggunakan perisian komputer iaitu Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) dan Microsoft Excel. Dapatan kajian ini menunjukkan golongan remaja yang terdedah dengan teknologi maklumat lebih terdorong untuk melibatkan diri dalam perkongsian maya melalui media sosial serta mempelajari tatabahasa dan perbendaharaan kata. Selain itu, perbezaan impak penggunaan teknologi dalam pembelajaran antara jantina berasaskan kepada ujian Man-Whitney U adalah tidak signifikan dan perbezaan kesan penggunaan teknologi dalam pembelajaran antara fakulti berasaskan kepada ujian Kruskal Wallis juga adalah tidak signifikan. Kemajuan penggunaan teknologi ini adalah penting bagi membolehkan negara berada seiring dengan negara-negara maju dan dapat melahirkan modal insan yang berpengetahuan tinggi untuk menyumbang kepada kemajuan dalam sistem pendidikan dan sosio ekonomi negara.

Kata kunci: Sistem Pendidikan, Universiti Awam, Penggunaan Teknologi Media, Kepentingan Teknologi

ABSTRACT

This article aims to discuss the use of technology media in the education system among students to meet the needs of teaching and learning in line with the country's progress. This research gives a great reference for education sector, especially public university which makes this one of the main platforms in teaching and learning system. This study uses primary data collection which is questionnaire. Implementation of the data collection was conducted through questionnaire distribution method to the respondents by random sampling involving the full quantitative analysis by using computer software namely Social Science Statistics Package (SPSS) and Microsoft Excel. The result shows that youths exposed to information technology are more motivated to engage in virtual partnership through social media and willing to learn grammar and vocabulary. Besides, the impact of technology in learning among gender based on Man-Whitney U test was not significant and the effect of technology in learning among faculty based on Kruskal Wallis test was also insignificant. The advancement of using this technology is important to enable the country to be in tandem with developed countries and to produce highly knowledgeable human capital to contribute to the progress in the country's education and socio-economic system.

Key words: Public University, Education System, Use of Technology Media, Technology Importance.

PENGENALAN

Malaysia kini merupakan sebuah negara membangun yang mempunyai ekonomi yang kompetitif dalam kalangan negara membangun di (Nabil Basaruddin, 2018). Sesebuah negara membangun mencapai kemajuan kerana terdapat modal insan yang mana bukan sahaja melahirkan golongan yang mempunyai tenaga kerja yang berdedikasi dan berkomitmen tinggi malah modal insan ini juga dapat menentukan tingkat masyarakat yang akan dibina oleh mereka. Menurut Fazullah, Jamal & Hasnah, (2007) modal insan bermaksud pengukuran nilai ekonomi bagi set kemahiran seseorang pekerja. Berdasarkan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), kerajaan ingin meneruskan agenda untuk menghasilkan lebih banyak modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan memiliki sikap positif untuk terus maju dalam ekonomi global. Salah satu bidang yang kerajaan fokus adalah memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran dan menambah baik kualiti sistem pendidikan bagi peningkatan prestasi para pelajar dan kecemerlangan sesebuah institusi.

Menurut Michael P. Todaro (2006), definisi pembangunan ekonomi adalah satu proses perpaduan yang berlaku di antara pertumbuhan penduduk dan kemajuan teknologi di mana apabila penduduk dalam sesebuah negara bertambah perlu diimbangkan dengan kemajuan teknologi untuk memenuhi keperluan dalam negara tersebut. Untuk memenuhi keperluan sesebuah negara membangun ke arah negara maju maka sistem penyampaian pendidikan perlu penambahbaikan agar mencapai tahap yang lebih baik. Salah satu cara untuk meningkatkan sistem penyampaian pendidikan ialah mewujudkan satu sistem penyampaian pendidikan yang dapat membantu meningkatkan prestasi pelajar iaitu melalui penggunaan teknologi. Kerajaan telah mewujudkan satu sistem penyampaian pendidikan Melalui Massive Online Open Courses (MOOCs), satu kaedah baharu pembelajaran secara maya. MOOCs merupakan satu kaedah pembelajaran yang dapat meningkatkan akses, mengurangkan kos penyampaian, membawa kepakaran Malaysia ke peringkat dunia serta mengukuhkan penjenamaan dan keterlihatan institusi pengajian tinggi Malaysia. Oleh itu, MOOCs dikenali sebagai salah satu pendekatan pembelajaran dalam talian yang cekap dan dapat menyokong institusi pengajian tinggi dari segi infrastruktur.

Memasuki era globalisasi telah menjadikan sistem pendidikan di Malaysia bergerak seiring dengan teknologi masa kini kerana masyarakat juga berubah ekoran oleh arus permodenan yang serba canggih. Perubahan ini telah mengakibatkan guru-

guru beranggapan tugas mereka semakin mencabar kesan daripada perubahan dunia ke era globalisasi yang positif mahupun negatif (Nik Mohd Rahimi, 2002). Hakikatnya pendekatan menggunakan teknologi dalam pembelajaran ini dapat meningkatkan kebolehan para pengajar dalam menyelesaikan pelbagai masalah pengajaran apabila para pengajar tersebut dapat menguasai pendekatan tersebut. Pembelajaran menggunakan teknologi atau dikenali sebagai e-pembelajaran merupakan salah satu inovasi dalam sistem pendidikan yang diperbaharui bertujuan untuk menggantikan sistem pendidikan yang sedia ada. Sistem pendidikan yang sedia ada yang menggunakan guna tenaga para pengajar ini masih dapat dipertingkatkan dengan menukar cara penyampaian yang menggunakan stail yang berbeza iaitu dengan menggunakan pendekatan teknologi walaupun hakikatnya sukar untuk mengubah sesuatu yang telah lama menjadi kebiasaan. Menurut Rogers (2010), penerimaan inovasi ini bergantung kepada individu itu sendiri untuk menilainya. Oleh itu objektif kajian ini untuk mengenal pasti kesan-kesan penggunaan teknologi dalam peningkatan prestasi pelajar terutama pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. Bahagian kedua dalam kajian ini mengupas berkenaan kajian lepas yang berkaitan dengan penggunaan teknologi dalam pembelajaran kepada pelajar. Bahagian ketiga pula menerangkan berkenaan metodologi kajian yang menggunakan dua kaedah untuk mendapatkan maklumat pelajar iaitu kaedah soal selidik berbentuk terbuka dan kaedah soal selidik berbentuk tertutup. Bahagian keempat pula mengupas berkenaan dapatan kajian dan perbincangan terhadap kesan-kesan penggunaan teknologi kepada pelajar untuk meningkatkan prestasi dalam pembelajaran. Bahagian kelima menerangkan kesimpulan kajian yang dilakukan dan akhir sekali bahagian keenam menyenaraikan semua rujukan yang digunakan untuk menghasilkan kajian ini.

KAJIAN LEPAS

Penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan perlu dipertingkatkan terutama dalam penyampaian maklumat dalam sistem pembelajaran semasa kepada pelajar di Universiti Awam oleh para pendidik. Keperluan seperti ini penting untuk selaras dengan kemajuan era pada masa kini iaitu era digital yang di mana para pelajar cenderung untuk berfikir lebih kreatif dan inovatif. Penggunaan teknologi dalam pembelajaran ini juga dapat meningkatkan hasil kerja para pelajar yang berkualiti tinggi dan baharu. Menurut pandangan Kern (2006) teknologi berfungsi sebagai

perantara antara guru dengan pelajar. Teknologi media ini merupakan salah satu medium perantaraan antara satu sama lain untuk menyampaikan maklumat. Teknologi media ini dapat menjadi alat bantu mengajar pensyarah di Universiti Awam yang berkesan dalam meningkatkan kualiti pembelajaran dan prestasi para pelajar. Kajian Kop (2011) menjelaskan bahawa satu sumbangan terbesar teknologi *internet* dalam dunia pendidikan adalah dari segi penyebaran kandungan pembelajaran tanpa sempadan.

Penggunaan media sosial bukan penting seiring dengan perkembangan dunia digital malah ia menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan produktif. Menurut kajian yang dilakukan oleh Kaplan & Haenlein (2010), media sosial ditakrifkan sebagai sekumpulan aplikasi *internet* yang dibina berasaskan ideologi dan teknologi *Web 2.0* yang membenarkan penghasilan dan perkongsian bahan-bahan yang dijana oleh pengguna. Jelas sekali yang dapat kita lihat bahawa penggunaan Facebook sebagai media sosial pada awalnya hanya untuk saling berkenalan dan berkomunikasi antara satu sama lain telah berubah kepada tujuan pendidikan. Menurut kajian Ellison (2008), Facebook merupakan media sosial paling popular dalam kalangan pelajar dan masyarakat. Facebook dapat menjadi platform kepada pensyarah dan pelajar untuk meningkatkan proses pembelajaran yang lebih mesra dan terbuka. Menerusi laman sosial Facebook, pensyarah dan para pelajar dapat mengakses maklumat dengan lebih mudah dan cepat terutama maklumat berkaitan isu-isu semasa, pendidikan dan pembelajaran. Selain itu, para pelajar juga dapat berkongsi bahan-bahan akademik seperti jurnal, artikel dan bahan bacaan ilmiah kepada rakan-rakan serta pensyarah. Rahimi & Zawawi (2005) dalam kajian mengatakan bahawa secara tidak langsung kaedah ia dapat meningkatkan sistem pengajaran dan pembelajaran ke arah yang lebih berkualiti dengan kemudahan keberkesanan penyampaian maklumat.

E-pembelajaran merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi bagi memudahkan para pendidik dan pelajar meningkatkan tahap pendidikan khususnya di Universiti Awam. E-pembelajaran ini dijalankan menerusi penggunaan komputer peribadi dan rangkaian *internet*. Keperluan *internet* amat penting dalam menggunakan kaedah e-pembelajaran ini untuk memudahkan para pendidik dan pelajar berinteraksi di atas talian atau menyampaikan maklumat secara meluas. Rader & Wilhelm (2001) mengatakan bahawa kaedah ini membolehkan pelajar mendapatkan maklumat yang dikehendaki dalam pengajaran dan pembelajaran dengan lebih sistematik. E-pembelajaran adalah seperti Ifolio di mana bertujuan untuk meningkatkan kecekapan proses pengajaran dan

pembelajaran seperti berkemampuan untuk menyimpan dan berkongsi maklumat di mana maklumat tersebut dapat disampaikan kepada semua pengguna dalam masa yang sama serta kaedah ini juga dapat memfokuskan kepada pandangan yang lebih meluas berbanding kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tradisional.

Streaming video merupakan salah satu alat yang menggunakan teknologi untuk mendapatkan maklumat dalam bentuk video. *Streaming video* juga merupakan alat yang sering digunakan dalam sistem pendidikan dan dikenali juga sebagai satu alternatif kreatif dalam mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih menaik dan berkesan. Menurut Allison Littlejohn (2003), penggunaan *streaming video* dalam proses pengajaran dan pembelajaran memberi banyak manfaat dan kebaikan kerana ia dapat menggalakkan penglibatan yang aktif, kolaboratif dan interaksi antara pensyarah dan pelajar. Kaedah ini bukan sahaja dapat mengurangkan bebanan para pendidik malah dapat membantu para pendidik merancang bahan pengajaran lebih mudah dan efisien. Menurut Weiser (2002), proses pengajaran dan pembelajaran ini dapat dijalankan dengan cara penyampaian kandungan yang lebih jelas dan menarik melalui tayangan.

Pengajaran dan pembelajaran berasaskan *web* merupakan salah satu medium yang dapat meningkatkan tahap pembelajaran pelajar dan juga dapat melancarkan proses pengajaran oleh para pengajar khususnya pensyarah di Universiti Awam. Kaedah pembelajaran berasaskan *web* ini dapat membantu para pelajar menyelesaikan tugas yang diberikan pada waktu yang ditetapkan dengan efisien. Menurut Will Richardson (2010), kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan *web* atas talian akan menjadikan seseorang pelajar itu bersikap lebih positif dan berupaya mempelajari kemahiran literasi maklumat dengan menggunakan *internet*. Penggunaan teknologi media *web* atas talian ini bukan sahaja memberi banyak manfaat kepada proses pengajaran dan pembelajaran malah dapat mewujudkan hubungan sosial yang baik antara pelajar dan pendidik. Abdul Hadi (2016) mengatakan bahawa penggunaan teknologi media *web* atas talian ini memberi impak kepada proses pengajaran dan pembelajaran dan prestasi pelajar kerana aplikasi teknologi *web* yang berasaskan *internet* ini mampu menyokong pengajaran dan pembelajaran di Universiti Awam dan pelaksanaan sistem pendidikan negara yang lebih efektif.

M-Learning atau juga dikenali sebagai *mobile learning* merupakan salah satu kaedah yang dapat memudahkan pelajar melakukan pembelajaran pada waktu dan tempat yang fleksibel. Kaedah ini merupakan konsep baru yang telah diperluaskan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang

pada awalnya bermula dari konsep pembelajaran e-pembelajaran. Proses pembelajaran menerusi kaedah *M-Learning* sangat mudah untuk diaplikasikan kerana boleh dilakukan di mana-mana sahaja dan tidak khusus di sesuatu tempat semata-mata. Menurut Sharples (2000), teknologi media *M-Learning* ini mampu menghubungkan para pensyarah dan pelajar pada masa nyata ataupun dunia maya untuk menghayati proses pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya menyokong pembelajaran sepanjang hayat. *M-Learning* ini amat mudah dilakukan menerusi gajet yang mampu dimiliki khususnya telefon mudah alih yang kini bukan sahaja telah menjadi salah satu keperluan kepada para pelajar malah penggunaannya juga dapat membantu pelajar untuk menggunakan kaedah *M-Learning* dalam pembelajaran.

YouTube merupakan salah satu teknologi media yang sangat popular dalam kalangan masyarakat kini terutama generasi muda. Tan & Carol (2013) mengatakan bahawa laman sosial *YouTube* bukan lagi sekadar digunakan untuk video peribadi, komersial dan sebagainya malah digunakan sebagai salah satu medium pengajaran dan pembelajaran manakala menurut Mohamed (2011) *YouTube* boleh dihubungkan dengan aplikasi rangkaian *web* lain seperti *blogs*, *wiki* dan sebagainya secara tidak langsung memberi implikasi keberkesanan pembelajaran dengan dapatan maklumat yang pantas. Pembelajaran menerusi aplikasi *YouTube* dapat membantu para pelajar memahami sesuatu maklumat dengan lebih mudah kerana terdapat pelbagai contoh yang memudahkan pelajar tersebut untuk menguasainya. Menurut Duffy (2008) iaitu saluran *YouTube* membekalkan maklumat pendidikan yang sangat efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan teknologi media seperti *YouTube* dapat meningkatkan suasana pembelajaran yang lebih kreatif dan menyeronokkan serta penggunaan ini perlu diambil sebagai salah satu peluang untuk meningkatkan mutu pendidikan negara.

METODOLOGI KAJIAN

Terdapat beberapa instrumen yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan benar. Antara instrumen yang digunakan ialah kaedah pemerhatian dan soal selidik iaitu soal selidik berbentuk terbuka dan tertutup. Kajian ini menggunakan dua kaedah tersebut untuk mendapatkan maklumat daripada pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kaedah soal selidik yang digunakan untuk kajian ini terbahagi kepada dua iaitu soal selidik berbentuk terbuka dan soal selidik berbentuk tertutup. Kaedah soal selidik yang berbentuk

terbuka digunakan untuk memberi ruang kepada responden memberikan pendapat peribadi berdasarkan isu yang dikemukakan manakala soal selidik berbentuk tertutup digunakan bukan sahaja untuk memudahkan para responden memilih jawapan yang telah disediakan malah dapat menjimatkan masa responden untuk menjawab soalan yang dikemukakan. Jenis soalan berbentuk tertutup ini mudah untuk dianalisis dan menyenangkan responden untuk memberikan jawapan kerana dia hanya dikehendaki memilih satu dari beberapa jawapan yang diberikan.

Kaedah soal selidik ini juga terbahagi kepada 3 bahagian iaitu bahagian A ialah demografi di mana untuk mengetahui maklumat para responden. Bahagian seterusnya ialah bahagian B di mana responden perlu menjawab soalan-soalan tersebut yang merangkumi 3 jenis soalan iaitu soalan berbentuk terbuka, soalan jenis skala dan soalan berbentuk tertutup. Kajian ini telah memilih populasi daripada institusi pengajian iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia manakala persampelan ialah responden yang dipilih ialah daripada kalangan para pelajar yang meneruskan pengajian tanpa mengira kelayakan akademik yang diambil. Responden yang dipilih tidak tertumpu kepada satu fakulti sahaja. Fakulti yang dipilih ialah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Sains Sosial dan Kemasayarakatan, Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Fakulti Undang-Undang, Fakulti Teknologi Sains dan Multimedia, Fakulti Pendidikan Islam dan Fakulti Pendidikan yang terletak di kampus induk Universiti Kebangsaan Malaysia, bangi. Data yang diambil melalui kaedah soal selidik telah diproses menggunakan perisian komputer iaitu Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) dan Microsoft Excel.

KEPUTUSAN KAJIAN

Profil responden dikaporkan dalam Jadual 1. Seramai 120 responden di soal selidik, sebanyak 40.0% merupakan responden lelaki manakala 60.0% adalah responden perempuan.

64.2% responden berumur 21-23 tahun diikuti oleh 27.5% responden berumur dalam lingkungan 18-20 tahun, 5.0% berumur 26 tahun dan ke atas dan 3.3% berumur antara 24-26 tahun. Pelajar yang terdiri daripada kumpulan berumur 18-23 tahun merupakan responden terbesar. 95.8% responden merupakan pelajar daripada program Sarjana Muda manakala 3.3% daripada responden adalah merupakan pelajar daripada program Sarjana dan 0.8% responden terdiri daripada program PhD. Jumlah responden yang disoal selidik di setiap fakulti adalah seimbang iaitu seramai 12.5%

JADUAL 1. Profil Responden

	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	48	40.0
Perempuan	72	60.0
Umur		
18-20 tahun	33	27.5
21-23 tahun	77	64.2
24-26 tahun	4	3.3
26 tahun dan ke atas	6	5.0
Kelayakan akademik		
PhD	1	0.8
Sarjana	4	3.3
Sarjana muda	115	95.8
Kaum		
Melayu	100	83.3
Cina	10	8.3
India	8	6.7
Siam	1	0.8
Bugis	1	0.8

responden yang terdiri daripada 8 jenis fakulti yang berlainan. Daripada keseluruhan responden mendapati majoriti pelajar 83.3% daripada kaum Melayu, 8.3% responden terdiri daripada kaum Cina, 6.7% terdiri daripada responden kaum India manakala kaum Siam dan Bugis mempunyai nilai kekerapan dan peratusan yang sama di mana masing-masing memperoleh jumlah responden sebanyak 0.8%.

Impak pendidikan berasaskan teknologi terhadap peningkatan prestasi pelajar adalah seperti dilaporkan dalam Jadual 2. Keputusan kajian menunjukkan impak pendidikan berasaskan teknologi terhadap peningkatan prestasi pelajar tertumpu kepada impak utama berdasarkan nilai min iaitu golongan remaja yang terdedah dengan teknologi maklumat pada usia muda kerana lebih terdorong untuk melibatkan diri dalam perkongsian maya khususnya melalui media sosial (3.6667) diikuti aplikasi komputer khususnya *internet* telah memudahkan lagi pelajar untuk mempelajari tatabahasa dan perbendaharaan kata (3.3417) dan impak yang paling rendah berdasarkan nilai min iaitu pendekatan pengajaran menggunakan bahan pengajaran berasaskan *web* supaya dapat mewujudkan persekitaran yang menggalakkan penyertaan maksimum pelajar sesama pelajar dan pelajar dengan guru (3.1750).

Secara keseluruhan, penggunaan teknologi maklumat seperti laman sesawang dan media sosial memberi impak dalam meningkatkan prestasi pelajar. Namun begitu, impak tersebut belum lagi mencapai tahap yang maksimum.

Analisis perbandingan impak penggunaan teknologi dalam pembelajaran antara jantina adalah berasaskan kepada ujian Man-Whitney U. Keputusan ujian Man-Whitney U menunjukkan impak penggunaan teknologi dalam pembelajaran dengan jantina adalah tidak signifikan kerana nilai p adalah 0.221, lebih besar daripada 0.05. Ini membuktikan impak yang diperoleh oleh jenis jantina adalah tidak berbeza. Seterusnya, analisis perbandingan kesan penggunaan teknologi dalam pembelajaran antara fakulti adalah berasaskan kepada ujian Kruskal Wallis. Keputusan ujian Kruskal Wallis menunjukkan perbezaan kesan penggunaan teknologi dalam pembelajaran antara fakulti adalah tidak signifikan kerana nilai p adalah 0.262, lebih besar daripada 0.05. Keputusan perbandingan ini membuktikan pendidikan berasaskan teknologi meningkatkan prestasi pelajar UKM tanpa mengira jantina dan bidang pengajian. Dalam kata lain, penggunaan teknologi dalam pendidikan adalah sesuai untuk pengajaran di semua fakulti, sama ada bidang sains ataupun sastera.

JADUAL 2. Kesan Penggunaan Teknologi Terhadap Peningkatan Prestasi Pelajar

Impak	Min	Sisihan Piawai
Aplikasi komputer, khususnya <i>internet</i> telah memudahkan lagi pelajar untuk mempelajari tatabahasa dan perbendaharaan kata.	3.3417	0.87443
Media sosial juga dianggap mampu membantu pelajar berinteraksi dengan lebih mudah terutamanya dari segi pembelajaran bahasa dan mendapatkan informasi bermanfaat dalam pelbagai format seperti gambar, video dan animasi.	3.2417	0.73331
Pelajar menjadi lebih bermotivasi, beriniasiatif dan meningkatkan tahap pembelajaran jika guru menyampaikan pengajaran selari dengan stail pembelajaran pelajar tersebut.	3.2333	0.81718
Pendekatan pengajaran menggunakan bahan pengajaran berasaskan <i>web</i> supaya dapat mewujudkan persekitaran yang menggalakkan penyertaan maksimum pelajar sesama pelajar dan pelajar dengan guru.	3.1750	0.84677
Penggunaan alat mudah alih lebih mudah menjadikan pembelajaran berlaku pada bila-bila masa dan mana-mana tempat berbanding dengan penggunaan buku nota yang mudah rosak dan tidak bertahan lama.	3.2250	0.83477
Golongan remaja yang terdedah kepada teknologi maklumat pada usia muda lebih terdorong untuk melibatkan diri dalam perkongsian maya, khususnya melalui media sosial.	3.6667	0.81306

Nota Skala Min : 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Setuju dan 4 = Sangat Setuju

KESIMPULAN

Kajian ini secara keseluruhan menunjukkan kemajuan teknologi masa kini yang pesat telah meningkatkan penggunaan teknologi media dalam setiap aspek khususnya dalam bidang pendidikan di mana penggunaan tersebut dapat membantu melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih sistematik dan berkesan kepada para pendidik dan pelajar. Majoriti pelajar menggunakan teknologi dalam pembelajaran sebanyak empat kali dan ke atas dalam tempoh masa seminggu. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi memberi kesan yang positif kepada pelajar di mana mereka menggunakan masa yang terluang untuk pembelajaran. Daripada penggunaan teknologi para pelajar dapat memperoleh maklumat yang diinginkan dan juga dapat menambahkan ilmu pengetahuan tanpa batasan. Tambahan pula, penggunaan teknologi dalam pembelajaran juga dapat membantu pelajar melakukan perbincangan tugas yang diberikan oleh pensyarah secara berkumpulan supaya tugas yang diberikan dapat diselesaikan dengan cekap.

Menerusi teknologi para pelajar dapat mengedit semula dokumen-dokumen yang perlu diperbaiki dengan mudah iaitu dengan menggunakan aplikasi *Word* yang sering digunakan oleh semua

lapisan masyarakat. Bagi pelajar yang tidak dapat hadir ke kelas atas alasan yang munasabah masih dapat menerima arahan tugas daripada pensyarah dengan menggunakan telefon pintar untuk berhubung dengan pensyarah secara langsung bagi maklumat yang tidak dapat mereka peroleh semasa kuliah dijalankan. Tambahan pula penggunaan teknologi bukan sahaja dapat memudahkan tugas malah dapat menghidupkan suasana yang menyeronokkan semasa kuliah dijalankan dengan membentangkan tugas dalam bentuk video misalnya *Pawtoon*. Tugas dalam bentuk video bukan sahaja dapat menjimatkan masa malah dapat memudahkan pelajar memahami konteks yang ingin disampaikan dengan mudah kerana penggunaan animasi yang menarik dan istilah yang mudah difahami.

Jelaslah menunjukkan penggunaan teknologi media ini amat penting untuk melahirkan modal insan yang pengetahuan tinggi kerana dapat memberi manfaat dan kebaikan terutama dalam pendidikan dan sosio ekonomi negara. Dalam konteks pendidikan penggunaan teknologi media ini amat perlu dilakukan untuk menambahbaik pendekatan yang dilakukan dalam sistem pendidikan agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar dan efisien. Penggunaan teknologi media dalam sistem pendidikan secara tidak langsung dapat mewujudkan hubungan

sosial yang baik antara para pendidik dan pelajar. Penggunaan teknologi media ini juga merupakan salah satu usaha yang memudahkan para pendidik untuk membantu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap pelajaran yang disampaikan.

RUJUKAN

- Abdul Hadi Mat Dawi, Lee Siong Theam, Mohan Palaniandy, dan J. D. 2016. Penerimaan Alat Web 2.0 dalam Pelaksanaan Kurikulum Program Berasaskan Pembelajaran Abad Ke-21 di Institut Pendidikan Guru. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 10*, 2016.
- Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin, J. R. R. H. H. 2007. Modal insan : konsep, aplikasi & isu-isu kontemporari dalam cabaran pemerikasaan tamadun insan. *Modal insan: konsep, aplikasi & isu-isu kontemporari dalam cabaran pemerikasaan tamadun insan*.
- Allison Littlejohn. 2003. e-Learning Series No 3 A guide for Teachers. Learning and Teaching Support Network (LTSN), The Network Centre, 4 Innovation Close, York Science Park, Heslington, York YO10 5ZF. Retrieved from <https://www.dur.ac.uk/resources/its/lt/elearning/ELN063.pdf>
- Duffy, P. 2008. Engaging the YouTube Google-Eyed Generation : Strategies for Using Web 2. 0 in Teaching and Learning 6(2): 119–130.
- Ellison, N. 2008. Social network (ing) sites. Revisiting the story so far : A response to danah boyd & 13(2007): 516–529. doi:10.1111/j.1083-6101.2008.00408.x
- Kaplan, A. M. & Haenlein, M. 2010. Users of the world , unite ! The challenges and opportunities of Social Media. doi:10.1016/j.bushor.2009.09.003
- Kop, R. 2011. The Challenges to Connectivist Learning on Open Online Networks : Learning Experiences during a Massive Open Online Course.
- Martha H. Rader and William J. Wilhelm. 2001. Needed Research in Business Education. Delta Pi Epsilon National Professional Graduate Honor Society in Business Education.
- Michael P. Todaro, S. C. S. 2006. Economic Development, hlm. illustrate. Erlangga, 2006.
- Mohamed Amin Embi. 2011. Aplikasi Web 2.0 Dalam Pengajaran & Pembelajaran. Pusat Pembangunan Akademik, UKM. Retrieved from http://www.ukm.my/ctl/wp-content/media/ebook/2011_Aplikasi_Web_2.0_Dalam_PnP.pdf
- Nabil Basaruddin. 2018. Malaysia perbaiki kedudukan daya saing global. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2018/10/487141/malaysia-perbaiki-kedudukan-daya-saing-global>
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Shahrin Awaluddin, Khadijah Abdul Razak, A. H. T. 2002. Kurikulum bersepadu pendidikan Islam menghadapi cabaran era globalisasi.
- Rahimi Md Saad, Zawawi Ismail. 2005. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Internet.
- Richard Kern. 2006. Perspectives on technology in learning and teaching languages. Teachers of English to Speakers of Other Languages, Inc. (TESOL). doi:10.2307/40264516
- Rogers, E. M. 2010. Diffusion of Innovations, hlm. 4th Edition. Free Press.
- Sharples, M. 2000. The design of personal mobile technologies for lifelong learning 34: 177–193.
- Tan Choon Keong, Carol Binti Abu,. 2013. Pengaplikasian Video Youtube : Bahan Bantu Mengajar (Bbm) Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sains Sosial. 29–30. Retrieved from https://www.ums.edu.my/fpp/images/stories/Document/SPSG2013/pengaplikasian_video_youtube_bahan_bantu_mengajar_bbm_dr_tanck_ums.pdf
- Unit Perancang Ekonomi. 2016. Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju. *Rancangan Malaysia Kesebelas* 5–30. Retrieved from http://rmk11.epu.gov.my/book/bm/Bab-5/Bab_5.pdf
- Weiser, C. 2002. Video Streaming. Media & Methods.
- Will Richardson. 2010. Blogs, Wikis, Podcasts, and Other Powerful Web Tools for Classrooms. Corwin.

Noradilah Aziz & Lai Wei Sieng*
Fakulti Ekonomi & Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: laiws@ukm.edu.my

Diserahkan: 3 Jun 2019

Diterima: 3 Jun 2019